

21 AUG 1998

Abdullah-NAM

KRISIS KEWANGAN TOPIK UTAMA PADA SIDANG KEMUNCAK NAM

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan negara-negara membangun lain akan mendesak negara-negara kaya meningkatkan bantuan untuk mengatasi masalah pencairan dan mengurangkan risiko kewangan dan pertukaran (asing) dalam ekonomi mereka pada Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-12 di Afrika Selatan lewat bulan ini.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata bantuan dari negara-negara maju dan institusi-institusi Bretton Woods adalah penting terutamanya kepada negara-negara yang dilanda krisis kewangan.

Sidang kemuncak itu yang akan berlangsung di Durban mulai 29 Ogos hingga 3 September juga akan mendesak negara-negara membangun, negara-negara maju, Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyegerakan penilaian semula ke atas sistem kewangan dunia bagi memastikan aliran modal jangka pendek menyokong perkembangan perdagangan, pekerjaan dan pembangunan, katanya.

Pada satu temubual dengan Bernama di sini hari ini, Abdullah berkata perkara-perkara itu akan dibincangkan pada sidang kemuncak itu sebagai susulan kepada Mesyuarat Peringkat Menteri Biro Penyelarasan NAM di Cartagena, Columbia, Mei lepas.

Beliau berkata krisis kewangan akan menjadi isu utama yang akan dibawa oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sidang kemuncak itu.

"Isu ini sudah tentu akan dibawa oleh Perdana Menteri pada sidang kemuncak di Durban itu," katanya.

Ketua-ketua kerajaan dan pegawai-pegawai daripada lebih dari 100 negara berbagai peringkat pembangunan sosial dan ekonomi dan orientasi politik akan hadir pada sidang kemuncak itu.

Abdullah, yang akan menyertai delegasi Dr Mahathir ke sidang kemuncak itu, berkata Malaysia berharap kegawatan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia termasuk Malaysia dimasukkan dalam dokumen akhir sidang kemuncak itu.

" Satu gambaran yang wajar berkaitan dengan keruncingan masalah itu (krisis kewangan), kita karap, akan dimasukkan ke dalam dokumen persidangan itu," katanya.

NAM mengandungi 112 negara-negara membangun dan mengadakan sidang kemuncak tiga tahun sekali. Yang terakhir ialah di Cartagena, Columbia pada tahun 1995.

Pergerakan itu ditubuhkan berikutan dengan Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada tahun 1955 dan dicitus pada era nyah penjajahan selepas perang dunia dan sebagai reaksi dunia ketiga kepada permusuhan kuasa besar Amerika Syarikat/Soviet.

Ia ditubuhkan secara rasmi pada Sidang Kemuncak Belgrade pada tahun 1961 yang selepas itu satu deklarasikan dikeluarkan menggariskan falsafah asas pergerakan itu. Antaranya ialah hasrat untuk tidak menubuhkan blok dan menggalakkan perdamaian dan kestabilan menerusi rundingan.

Ditanya sama ada NAM berkedudukan untuk menangani masalah kewangan dan ekonomi di beberapa negara Asia ketika terdapat dakwaan bahawa pergerakan itu telah melampaui tujuan penubuhannya, Abdullah said: "Sudah tentu NAM berada pada kedudukan untuk menangani isu itu."

Katanya pada sidang kemuncak NAM yang terakhir, pergerakan itu telah "merasionalisasikan" perannya dalam era selepas perang dingin.

"Para ketua kerajaan/negara NAM telah menyatakan bahawa kesahehan NAM dan prinsip-prinsip asasnya akan dipelihara sepenuhnya dan bahawa NAM

bertindak sebagai forum yang mengadakan rangka kerja asas untuk menyelaraskan kepentingan dan kedudukan negara-negara anggota mengenai isu-isu politik, ekonomi dan sosial.

"Oleh itu, NAM tetap relevan seperti dulu," kata Abdullah.

Abdullah berkata dengan berakhirnya perang dingin dan lenyapnya blok kuasa berideologi NAM perlu menumpukan peranannya dan menangani isu-isu semasa yang dihadapi oleh negara-negara anggotanya.

"Dengan menangani isu-isu semasa dan menerima pakai pendirian yang sama dalam berbagai fora, NAM bukan sahaja menjadi sebuah pergerakan yang diiktiraf tetapi juga dihormati oleh pihak lain," katanya.

Beliau berkata dengan memperbaharui peranannya dan menjadikannya responsif dengan keperluan semasa, NAM akan menghapuskan imejnya di kalangan sesetengah pihak bahawa ia telah melampaui kebergunaannya dan juga ia tidak lagi relevan.

Ditanya apa yang diharapkan oleh Malaysia mengenai peranan NAM dalam abad akan datang, Abdullah berkata NAM perlu diperkukuhkan lagi untuk menghadapi cabaran-cabaran alaf akan datang.

"NAM perlu responsif kepada perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi dunia," katanya.

Beliau berkata adalah diharapkan sebagai sebuah pergerakan NAM akan dapat menerima pakai pendirian yang diselaraskan dan sama di PBB dan juga dalam forum-forum antarabangsa yang lain.

NAM juga perlu berinteraksi dengan perkumpulan-perkumpulan lain, termasuk dari negara-negara maju dalam pelbagai isu global yang membabitkan kemanusiaan pada amnya, katanya.

"Melalui interaksi dan rangkaian seperti itu, NAM dapat mengadakan perkongsian dengan pemain-pemain lain di arena global dan dengan itu mempertingkatkan keupayaannya untuk turut serta dalam proses membuat keputusan mengenai isu-isu global yang membabitkan negara membangun dan negara maju," kata Abdullah.

--BERNAMA

ES WAT